

'Tunggu laporan sebelum komen'

Siasatan dilaksana untuk hentikan amalan salah pemimpin kerajaan terdahulu

bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Tan Sri Muhyiddin Yassin tidak seharusnya tergesa-gesa menyatakan siasatan berhubung dakwaan terbabit dalam pemberian kontrak Sistem Imigresen Bersepadu Nasional (NUSe) kepada syarikat dikaitkan dengan menantunya ketika mentadbir kerajaan, bersifat jahat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata Muhyiddin tidak perlu menggembar-gemburkan perkara itu sekiranya dakwaan berkenaan tidak benar tetapi sebaliknya perlu menunggu laporan siasatan oleh pihak berkuasa.

Beliau juga menegaskan, pendedahan mengenai perolehan vaksin COVID-19 tidak mengikut peraturan dan ditandatangani tanpa persetujuan Peguam Negara dibuat apabila perkara itu dimaklumkan sendiri oleh Kementerian Kesihatan (KKM) kepadanya.

Beliau menegaskan, perkara itu dibangkitkan pentadbirannya kerana mahu menghentikan sepenuhnya amalan pemimpin terdahulu yang menggunakan kedudukan bagi mengkayakan keluarga masing-masing.

"Jahat tak jahat, tunggu laporanlah. Saya tak fikir hal ini dihebahkan sebegitu rupa kalau ia tidak benar.

"Ada kebenarannya (dakwaan pemberian kontrak pada menen-



Anwar bersama Menteri Sumber Manusia, V Siva Kumar beramah mesra dengan pengunjung pada Majlis Pelancaran Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah dan Karnival Kerjaya MYFutureJobs 2023 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, semalam. (Foto bernama)

tu), namun sejauh mana dia (Muhyiddin) terbabit saya tidak tahu. Itu siasatan perlu dilakukan.

"Tujuan kita nak hentikan (amalan ini). Siapa sahaja Perdana Menteri, menteri kewangan atau menteri Kabinet selepas ini, jangan anggap itu tempat untuk dia kayakan anak, menantu dia. Itu pengajarannya," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Pelancaran Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah dan Karnival Kerjaya MYFutureJobs 2023 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), di sini, semalam.

Anwar mengulas kenyataan Muhyiddin yang menafikan sekeras-kerasnya terbabit dalam pemberian kontrak NIISe kepada IRIS Corporation Berhad yang dikaitkan dengan menantunya.

Menyifatkan dakwaan itu sebagai fitnah berniat jahat yang direka untuk mencalar maruahnyanya dan keluarga, Muhyiddin baru-baru ini menegaskan tidak terbabit dalam proses penganugerahan kontrak NIISe kepada IRIS Corporation Berhad yang dijalankan secara ten-

der terbuka.

Selain itu, beliau yang juga Presiden BERSATU merangkap Pengerusi Perikatan Nasional (PN) menegaskan, tiada mana-mana ahli keluarganya mempunyai kepentingan dalam IRIS Corporation Berhad, sama ada sebagai pengarah syarikat atau pemegang saham.

Rabu lalu, *NST* yang memetik sumber Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) melaporkan, badan penguat kuasa itu sedang menyiasat seorang bekas Perdana Menteri dan menantunya berhubung kemungkinan salah guna kuasa dalam pemberian kontrak bagi projek NIISe.

Menurut *NST*, ada maklumat menyatakan NIISe yang sedang dibangunkan oleh Iris Corporation Berhad untuk menggantikan mekanisme pendaftaran pekerja asing sedia ada oleh Jabatan Imigresen menjelang 2025, adalah projek bermasalah.

Sebelum ini, media pernah menamakan menantu kepada bekas Perdana Menteri itu sebagai an-

tara pemain utama dalam kontrak untuk NIISe, selain didakwa terbabit dalam Program Pengampunan 6P yang dilaksanakan Jabatan Imigresen beberapa tahun lalu untuk mendaftarkan pendatang asing tanpa izin (PATI).

Jun tahun lalu, Menteri Dalam Negeri ketika itu, Datuk Seri Hamzah Zainudin dilaporkan berkata, pelaksanaan NIISe dengan kos RM1 bilion diyakini mampu mempertingkatkan sistem imigresen negara ke tahap yang lebih baik.

Beliau berkata, kontrak NIISe di antara kerajaan dengan IRIS Information Technology Systems Sdn Bhd dimuktamadkan pada Mei 2022, membabitkan lebih 12 kontraktor.

Mengikut tempoh kontrak, NIISe akan beroperasi sepenuhnya pada 2024. Sistem itu dilaksanakan bagi menggantikan sistem myIMMs di Jabatan Imigresen yang sudah beroperasi lebih 20 tahun lalu.

Menjelaskan mengenai isu perolehan vaksin COVID-19, Anwar berkata Kabinet memandang serius dakwaan berkenaan selepas dimaklumkan oleh KKM, dan

menjadi tanggungjawab badan penguat kuasa seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk menentukan kesahihannya.

Beliau mengulangi tidak akan campur tangan dalam siasatan mengenai dakwaan itu dan menyerahkan sepenuhnya kepada pihak berkuasa untuk menentukan sama ada wujud pelanggaran peraturan dan undang-undang dalam tatacara perolehan vaksin terbabit.

"Itu serah pada badan penyiasat, SPRM dan lain-lain. Bukan urusan saya lagi.

"Yang saya maklumkan itu hanya kenyataan yang disediakan oleh KKM, dan Kabinet mengambil perhatian.

"Kemudian badan-badan siasatan harus siasat sama ada benar atau tidak dan sebagainya," katanya diminta mengulas kenyataan bekas Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin yang menafikan dakwaan mengatakan perolehan vaksin COVID-19 dibuat tanpa persetujuan Jabatan Peguam Negara (AGC).

Menurut Khairy semua perolehan yang dibuat kerajaan ketika pentadbiran Perikatan Nasional (PN) dibentangkan kepada Kabinet, sekali gus dimaklumkan kepada AGC.

Sebelum ini, Datuk Dr Marzuki Mohamad, bekas Ketua Setiausaha Sulit kepada Muhyiddin turut menegaskan, isu perolehan vaksin tidak perlu lagi dipersoalkan kerana ia sudah disiasat oleh Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC).

Menurut Marzuki, laporan PAC setebal 521 muka surat, yang ketika itu turut dianggotai Pengerusi PAC daripada DAP, Wong Lah Woh dan bekas Ahli Parlimen Permatang Pauh, Nurul Izzah Anwar, mengesahkan perolehan vaksin COVID-19 dibuat secara teratur.